

PENGLIBATAN TENAGA BURUH MAHIR TEMPATAN DALAM PROJEK
PEMBINAAN DI BAWAH SARAWAK CORRIDOR OF RENEWABLE
ENERGY (SCORE)

CHONG OI SIANG

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada
syarat penganugerahan ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL 2010

Industri pembinaan memainkan peranan yang penting dalam pembangunan sesebuah negara seperti di Malaysia. Sejak sedekad yang lalu industri pembinaan di Malaysia telah banyak mengalami perubahan untuk bersaing pada zaman globalisasi. Di dalam industri pembinaan, selain daripada faktor kewangan, peranan yang dimainkan oleh pekerja binaan adalah sama kepentingannya. Permintaan guna tenaga yang tinggi bukan sahaja dirasai oleh sektor pembinaan tetapi semua sektor ekonomi negara. Walaupun guna tenaga sektor pembinaan menghadapi masalah terutamanya kekurangan guna tenaga tempatan, tetapi masalah tersebut telah dapat dikurangkan dengan mengambil tenaga kerja asing. Selain guna tenaga, sektor pembinaan juga menghadapi masalah berkaitan tenaga mahir. Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti sejauh mana penglibatan tenaga buruh mahir tempatan di tapak pembinaan di bawah Sarawak Corridor Of Renewable Energy (SCORE). Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik bagi mengenal pasti sejauh mana penglibatan tenaga buruh mahir tempatan dalam projek pembinaan di bawah SCORE. Borang soal selidik telah diedarkan kepada kontraktor yang menjalankan projek pembinaan di bawah SCORE. Kajian ini mendapati bahawa SCORE menghadapi masalah kekurangan tenaga buruh mahir tempatan. Projek pembinaan di bawah SCORE, terdapat 54 peratus tenaga buruh adalah buruh mahir asing dan hanya 46 peratus adalah buruh mahir tempatan. Tred kerja yang diambil alih oleh buruh mahir asing termasuklah tukang lepa, tukang kayu, tukang bata dan tukang konkrit.

ABSTRACT

Construction industry plays a significant part in the development of a country like Malaysia. Malaysia has been adapting a lot of changes in the construction industry since it was first developed decades ago. In construction, apart from financial, the role of workers are equally important. The need for employment is not only pertain to construction industry but in other economic sector. Although the industry is facing shortage in local workers, the problem is minimized with the employment of foreign labour in our construction industry. Apart from labour shortage, the industry also has a problem regarding skilled labour. This study investigates the involvement of the local skilled labour in construction project under Sarawak Corridor Of Renewable Energy (SCORE). The method adopted for collecting data in this study is questionnaires. The questionnaires are distributed to contractors involved in the construction project under SCORE. This study reveals that SCORE faced the problem of shortage local skilled labour. In construction project under SCORE, total skilled labour consists of 54 percent foreign skilled labour and only 46 percent local skilled labour. The work trade that take place by foreign skilled labour are included plaster craftsman, carpenter, brick craftsman and concrete craftsman.